# Utusan Malaysia - RM109b Bayar Subsidi Petrol, Minyak Masak

Rabu, Mac 08 2017

# RM109b bayar subsidi petrol, minyak masak

**KUALA LUMPUR 7 Mac** – Kerajaan telah memperuntukkan RM109 bilion bagi membayar subsidi produk petroleum dan minyak masak sejak 2010 hingga tahun lalu.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, daripada jumlah tersebut peruntukan subsidi untuk produk petroleum melibatkan sejumlah RM102.4 bilion manakala minyak masak pula sebanyak RM6.6 bilion.



**JOHARI ABDUL GHANI**

"Kerajaan telah mula melaksanakan rasionalisasi subsidi sejak 2013 dengan mengalihkan secara berperingkat kaedah pemberian bantuan itu daripada pukal kepada yang lebih tersasar.

"Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan, tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan," katanya menjawab soalan lisan **Lim Guan Eng (DAP-Bagan)** dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Jelas Johari, langkah rasionalisasi subsidi itu berjaya meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan mengagih sumber kewangan serta tenaga dengan lebih tersusun.

Katanya, ketirisan perbelanjaan kerajaan juga berjaya dikurangkan melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan barangan bersubsidi oleh warga asing.

"Sebahagian penjimatan itu disalurkan semula secara terus kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk bantuan tunai seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan bantuan persekolahan.

"Sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan serta pengangkutan awam yang memberi manfaat kepada seluruh masyarakat," katanya.

Pekeliling Perbendaharaan

Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

**Perkhidmatan Atas Talian**

**Aplikasi Mudah Alih**

**Laman Mikro**

**e-Penyertaan & Maklumbalas**

**Statistik & Prestasi**

**Pautan**

**Agensi**

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 23 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216